

20 JULAI 2018

## Lelaki lari daripada serbuan AADK ditemukan mati lemas

**DALAM NEGERI 25**



PASUKAN penyelamat mengangkat mayat seorang lelaki yang mati lemas selepas terjun ke dalam sungai di Kampung Hilir Kepala Batas, Alor Setar, Kedah, kelmarin. - IHSAN JABATAN BOMBA

### Lelaki lari daripada serbuan AADK ditemukan mati lemas

**ALOR SETAR 19 Julai** - Akibat takut ditangkap, seorang lelaki mati lemas selepas terjun ke sungai di Kampung Hilir Kepala Batas di sini dalam serbuan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di sebuah rumah, semalam.

Ketua Polis Daerah Kubang Pasu, Superintenden Mohd. Ismail Ibrahim berkata, kira-kira 10 penagih melarikan diri termasuk tiga individu terjun ke sungai berdekatan dalam kejadian pada kira-kira pukul 6.15 petang oleh AADK Kubang Pasu.

"Dua lelaki yang terjun ke dalam sungai berjaya dipujuk untuk menyerah diri manakala seorang lagi enggan dan cuba berenang namun gagal sebelum tenggelam.

"Sehubungan itu, satu operasi mencari dan menyelamat dilakukan dengan disertai pihak polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan AADK," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurutnya, mayat lelaki berusia 39 tahun itu ditemukan pada kira-kira pukul 9.44 pagi tadi di tebing sungai berhampiran kawasan dia tenggelam.

"Mayat mangsa dibawa ke Hospital Sultanah Bahiyah, di sini untuk dibedah siasat. Kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut," ujarnya.

Dalam pada itu, Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai JBPM negeri, Penguasa Kanan Bomba II Mohd. Firdaus Daud memberitahu, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada kira-kira pukul 6.31 petang semalam.

"Operasi mencari dan menyelamat dilakukan dengan memberi tumpuan pencarian secara permukaan menggunakan 'grappling iron' dan menjumpai mangsa di lokasi dipercayai lemas selepas 15 jam gagal dikesan.

"Mangsa kemudian diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut," katanya.